

Makmal Instrumen Guna Sama ditubuh

► Selaras usaha mempraktikkan langkah penjimatan di UMS

UB 3-9-13 A3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan Makmal Instrumen Guna Sama dalam usaha mempraktikkan langkah penjimatan di Universiti EcoCampus berkenaan.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, penubuhannya amat wajar bagi memperbanyak kemudahan yang bersifat guna sama dan dapat dimanfaatkan secara maksimum.

“Penubuhan makmal guna sama ini juga mampu memantapkan aktiviti penyelidikan, membantu aktiviti pengajaran selain mampu menjana pendapatan melalui perkhidmatan kepada pihak luar termasuk

“Penubuhannya amat wajar bagi memperbanyak kemudahan yang bersifat guna sama dan dapat dimanfaatkan secara maksimum. Penubuhan makmal guna sama ini juga mampu memantapkan aktiviti penyelidikan, membantu aktiviti pengajaran selain mampu menjana pendapatan melalui perkhidmatan kepada pihak luar termasuk industri.”

PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

industri,” katanya ketika berucap merasmikan makmal itu di Sekolah Sains Teknologi UMS, kelmarin.

Beliau berkata, makmal itu akan dikendalikan oleh Unit Instrumentasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi sebagai langkah

awal ke arah penubuhan Pusat Instrumentasi dan Pengukuran serta pelan strategik perancangan UMS sehingga tahun 2020.

Penubuhan itu juga katanya, amat bertepatan dalam menjayakan konsep perkongsian kepakaran yang



HARUN (tengah) menandatangani plak perasmian Makmal Instrumen Guna Sama UMS sambil diperhatikan oleh Shariff (kiri), Shahril (dua dari kanan) dan Felix (kanan).

dilihat mampu meningkatkan tahap kemahiran dan kompetensi kakitangan makmal UMS secara keseluruhannya.

“Sebagai contoh, kakitangan makmal di sekolah, pusat, institut atau unit yang dikenal pasti mahir dalam mengendalikan

instrumen boleh membantu mengendalikan instrumen yang terdapat di makmal ini.

“Bagi tujuan pembangunan kemahiran dan kompetensi kakitangan, Unit Instrumentasi akan membantu mengurus latihan kemahiran dan kompetensi kakitangan berkenaan,” katanya.

Pada majlis itu, Harun turut mengumumkan sebuah bangunan Makmal Penyelidikan Bersepadu yang dijangka akan dimiliki UMS

pada tahun 2014.

Katanya, kemudahan itu kelak membolehkan pelaksanaan pengurusan fasiliti dilaksanakan dengan teratur dan efisien.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof Dr Shariff AK Omang, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Shahril Yusof dan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Dr Felix Tongkul.